

## TARIAN ETNIK MURUT

### Tarian Angalang

Tarian ini ditarikan dengan mengikut rentak gong. Tarian ini ditarikan secara berpasangan oleh penari lelaki dan penari perempuan. Biasanya penari berjumlah enam orang. Alat muzik tarian ini ialah Gong dan Kulintangan.

Pada masa dahulu, tarian ini ditarikan selepas pengebumian anggota masyarakatnya untuk tujuan memperingati dan sebagai penghormatan kepada si mati. Tarian ini diadakan setelah pantang larang kematian telah selesai dibuat. Kini, tarian ini ditarikan untuk majlis keramaian seperti perkahwinan, perayaan, kelahiran bayi, dan menyambut tetamu kenamaan.

Tarian ini masih lagi diamalkan di sebahagian tempat seperti di Kampung Kalabakan dan Kampung Serudong, Tawau.

### Tarian Lansaran

Tarian ini ditarikan di lantai yang dibuat secara khas. Lantai itu berukuran sekitar 81 meter persegi yang dibina di tengah-tengah bahagian rumah panjang. Lantai itu dibuat secara bulat dan dipasang berlapis-lapis supaya boleh melantun seperti "spring".





Pada masa dahulu, tarian ini ditarikan bagi menyambut kepulangan pahlawan yang mencapai kemenangan dalam peperangan. Namun kini, tarian ini diadakan dalam majlis rasmi dan majlis keramaian seperti perkahwinan dan menyambut tetamu

kenamaan.

Tarian Lansaran ditarikan secara berpasangan antara penari lelaki dan penari perempuan. Penari akan membuat satu bulatan sambil melompat di atas lantai tersebut. Rentak akan terhasil daripada bunyi susunan kayu yang ada di bahagian bawah lantai. Penari lelaki akan melompat ke atas bagi mengambil kinkilat "*singkowoton*" yang digantung pada palang bumbung rumah panjang. Penari lelaki akan melompat sambil bersorak sebagai tanda kegagahan pahlawan masyarakatnya.

Tarian ini diakhiri dengan upacara berbalas pantun antara pasangan penari. Upacara ini dikatakan sebagai kaedah merapatkan tali persaudaraan dan kekeluargaan antara anggota masyarakatnya.

